

# KUTKM harap tarik lebih ramai pelajar cemerlang

Archival News | Utusan Malaysia | 17/01/2007

MELAKA 16 Jan. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) berharap dapat menarik lebih ramai pelajar dan kakitangan cemerlang menyertai kolej universiti berkenaan selepas ditukar nama kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTMM) mulai 1 Februari ini.

Rektor KUTKM, Profesor Datuk Ismail Hassan ketika melahirkan harapan tersebut berkata, sempena pertukaran nama kolej universiti berkenaan, ia diharap dapat menghapuskan pandangan sesetengah pihak bahawa KUTKM bukanlah sebuah universiti.

“Ia memang tanggapan yang sukar dikikis. Sebenarnya kita memang bertaraf sebuah universiti sebelum ini, cuma mungkin ada pihak yang kurang selesa dengan perkataan kolej di hadapannya.

“Selepas ia ditukar kepada UTMM nanti, diharap lebih ramai pelajar berkelulusan cemerlang akan menyertai kami, begitu juga dengan kakitangan,” kata beliau ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Ismail berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa kesemua enam kolej universiti di negara ini akan bergelar universiti pada 1 Februari ini.

Menjelaskan lanjut, beliau berkata, terdapat kecenderungan pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memilih universiti lain berbanding KUTKM kerana adanya perkataan kolej berkenaan.

“Sedangkan sukatan pelajaran, kelulusan masuk serta kemudahan kami sememangnya bertaraf sebuah universiti. Jadi pertukaran nama itu memang akan membantu,” kata beliau.

Ismail memberitahu, empat kursus baru juga akan ditambah tahun ini selaras dengan pertukaran namanya kepada UTMM serta untuk menarik lebih ramai penuntut ke kolej universiti tersebut.

Jelasnya, kursus-kursus tersebut merupakan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Tanpa Wayar, Ijazah Sarjana Muda Kepintaran Buatan serta dua kursus di bawah bidang Pengurusan Teknologi Keusahawanan.

(Source : Utusan Malaysia)